

20 APR 2001

PERDANA MENTERI JUMPA PEMIMPIN BN KELANTAN

KOTA BAHARU, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Kelantan, sempena lawatan seharinya ke negeri ini.

Perjumpaan tertutup kira-kira 45 minit itu yang bermula pukul 3 petang, berlangsung di kediaman bekas menteri besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaakob di Taman Uda Murni di sini.

Sebelum perjumpaan itu, Perdana Menteri bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menikmati jamuan tengah hari di perkarangan rumah Mohamed.

Jamuan itu turut dihadiri para anggota jawatankuasa Masjid Taman Uda Murni, anggota veteran Umno seluruh Kelantan, pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan pemimpin beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Sebelum itu Dr Mahathir menunaikan solat Jumaat di Masjid Uda Murni di sini.

Penduduk sekitar kawasan berkenaan yang bersembahyang di masjid itu, mengambil kesempatan bersalaman dan beramah mesra dengan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

BD RON